



Headline: RM251,998 lesap diperdaya 'pegawai polis'
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 28 November 2019

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 20

RM251,998 lesap diperdaya 'pegawai polis'



NOORZAINY

KEPALA BATAS

- Seorang pesara sebuah syarikat swasta kerugian RM251,998 setelah ditipu sindiket telefon scam yang mendakwa wanita itu terlibat dengan pengubahan wang haram dalam kejadian di sini semalam.

Mangsa yang berusia 60 tahun sebelum itu menerima panggilan daripada seorang wanita yang memperkenalkan diri daripada Pejabat Pos Laju Malaysia memaklumkan dia mempunyai barangan yang dikirim mengandungi kad pengenalan dan kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM).

Panggilan mangsa kemudiannya disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Kuantan dan telah bercakap dengan anggota polis.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Utara, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd Noor berkata, 'anggota polis' terbabit memaklumkan mangsa terlibat dengan pengubahan wang haram.

"Anggota polis itu meminta mangsa tidak memaklumkan kepada sesiapa mengenai perkara berkenaan memandangkan mangsa merupakan suspek dalam kes tersebut.

"Seterusnya mangsa disambungkan kepada seorang pegawai polis yang berpangkat Inspektor yang memaklumkan bahawa suspek utama kes berkenaan telah ditangkap dan berkemungkinan besar mangsa juga terlibat dalam sindiket pengubahan wang haram ini," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Noorzainy berkata, mangsa diminta mengikut semua arahan pegawai polis tersebut dan tidak memaklumkan kepada sesiapa sepanjang proses siasatan kerana bimbang maklumat siasatan akan bocor.

"Mangsa hanya mengikut segala arahan dan telah memindahkan ke dalam enam akaun berlainan sebanyak RM251,998," katanya.

Katanya lagi, wanita itu hanya menyedari dia telah ditipu selepas gagal menghubungi semula pegawai polis berkenaan dan bertindak membuat laporan polis berhubung kejadian tersebut.